

Jabatan Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia,  
Tingkat 9-14 Bangunan  
UMBC,  
Jalan Sulaiman, Kuala  
Lumpur.

9hb. Ogos, 1974.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1974**

**Tuntutan Elaun Bagi Anggota Pasukan Polis Hutan  
(P.P.H.) yang menjalankan tugas selain daripada  
Tugas Operasi**

Saya adalah diarah untuk memaklumkan bahawa mengikut amalan yang terdapat sekarang semua Pasukan Anggota Polis Hutan (P.P.H.) adalah layak menerima Elaun P.P.H. mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan. Oleh itu mereka tidaklah boleh membuat apa-apa tuntutan elaun lain apabila mereka menjalankan tugas-tugas selain daripada tugas operasi.

2. Kerajaan telah menimbangkan kedudukan mereka dan telah mengambil keputusan bahawa mulai dari 1hb. Ogos, 1974, Anggota-anggota P.P.H. yang menjalankan tugas selain daripada tugas operasi adalah layak menuntut pembayaran elaun lojing mengikut kadar 95% dan elaun makan mengikut 75% dari kadar yang layak diterima oleh lain-lain Pegawai Kerajaan yang setaraf. Di samping itu juga mereka ini adalah terus layak untuk menerima Elaun P.P.H mereka.

3. Keputusan ini diambil hasil daripada persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (Perkhidmatan Polis) yang telah diadakan pada 30 hb. Julai, 1974.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ALI BIN HASSAN)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.